



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH**

SEMPENA

PELANCARAN RUMAH BINA NEGARA

FELCRA SRI MAKMUR

**20 NOVEMBER 2016 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Salutasi

1. **YBrs. Pengerusi Majlis**
2. **YB Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri I KKLW**
3. **YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri II KKLW**
4. **YB Dato' Hj. Shafik Fauzan bin Sharif
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas
Tani Negeri Pahang**
5. **YB Dato' Sri Bung Moktar Radin
Pengerusi FELCRA BERHAD**
6. **YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha KKLW**
7. **YBrs. Encik Zulkarnain Md Eusope
Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA BERHAD**
8. **Ahli – Ahli Pihak Berkuasa FELCRA BERHAD**
9. **Ketua – Ketua Agensi KKLW dan Kerajaan Negeri Pahang**
10. **Rakan – rakan Media**
11. **Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang dikasih
sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati
Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayah-Nya kita semua dapat berkumpul di FELCRA Sri Makmur, Pekan, Pahang ini bagi sama-sama menjayakan Pelancaran RUMAH BINA NEGARA (RBN) 2016. Terlebih dahulu saya mengambil

kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak FELCRA Berhad kerana telah berusaha memastikan Pelancaran RBN ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. Seperti kita sedia maklum, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat tentang pemilikan rumah mampu milik. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan taraf pemilikan ekuiti dan kedudukan ekonomi orang Melayu serta Bumiputera di negara ini. Salah satu dari strategi untuk mencapai matlamat ini adalah menerusi Pembangunan Infrastruktur Bagi Rumah Generasi Kedua yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd. Razak Perdana Menteri Malaysia semasa dalam ucapan Bajet Tahun 2017 yang lalu.

3. Justeru itu, KKLW telah melahirkan inisiatif menerusi Transformasi Luar Bandar dengan memberikan fokus kepada Pembangunan Belia Luar Bandar iaitu mewujudkan perumahan generasi kedua luar bandar atau dikenali dengan Rumah Bina Negara. Program Rumah Bina Negara atau Rumah BN merupakan program perumahan mampu milik kepada golongan belia di kawasan luar bandar khususnya generasi kedua di bawah Kementerian ini yang dilaksanakan oleh Agensi seperti Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA).

4. Kerajaan sedar bahawa generasi kedua luar bandar telah banyak menjana ekonomi menerusi aktiviti perladangan dan pertanian. Walaubagaimanapun, disebabkan beberapa faktor seperti kenaikan harga rumah, didapati masih terdapat di kalangan generasi kedua yang sudah berumahtangga namun masih lagi menginap bersama keluarga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, sebanyak 20.5% belia luar Bandar yang telah berkeluarga masih lagi menginap bersama keluarga dan tidak memiliki rumah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Menerusi program Rumah Bina Negara KKLW ini, FELCRA Berhad menawarkan seunit rumah dengan harga belian RM75,000. Suka saya menarik perhatian, kerajaan sebenarnya

turut memberi subsidi kepada pembangunan infra bagi program Rumah Bina Negara secara berkelompok. Sebagai buktinya, bagi program Rumah Bina Negara FELCRA di Sri Makmur ini sahaja, kos infra yang telah ditanggung oleh kerajaan adalah berjumlah RM11.9 juta. Ini bermakna jika kerajaan tidak menyediakan subsidi sebanyak RM11.9 juta untuk kos infra, harga sebenar bagi seunit rumah adalah melebihi RM100,000. Tetapi dengan keperihatinan kerajaan menanggung kos infra, Rumah Bina Negara FELCRA Seri Makmur ini ditawarkan dengan harga belian RM75,000 atau dengan ansuran bulanan tidak melebihi RM500 selama 30 tahun.

6. Kos infra sebanyak RM85,000 yang ditanggung oleh kerajaan ini melibatkan kemudahan infrastruktur asas lengkap seperti; penyediaan jalan dalam kawasan perumahan, pembinaan sistem bekalan air dan elektrik, pembinaan sistem perparitan dan saliran, pembinaan menara tangki air dan pembinaan sistem kumbahan berpusat. Rumah BN yang dibina cukup selesa dengan keluasan 700 kaki persegi di atas tapak berkeluasan 5,000 kaki persegi, dengan 3 buah bilik, 2 buah bilik air termasuk kelengkapan asas seperti lampu, kipas dan juga ketersediaan bekalan air. Ini bermakna, nilai rumah RM75,000 yang akan ditanggung oleh pembeli hanya berjumlah 48 peratus dari nilai sebenar harga rumah.

Hadirin sekalian,

7. Inisiatif daripada Transformasi Luar Bandar ini adalah bertujuan tidak lain tidak bukan sebagai dorongan untuk memastikan golongan belia meneruskan agenda pembangunan luar bandar, mengelakkan pengaliran tenaga kerja dan kepakaran golongan belia ke bandar, meningkatkan kualiti hidup kumpulan B40 di kawasan luar bandar serta memacu kepesatan pembangunan kawasan luar bandar. Memahami semua matlamat itu, program perumahan BN ini dilaksanakan bersebelahan dengan tapak Program Penyusunan Semula Kampung untuk peserta asal (generasi pertama) projek FELCRA Berhad Sri Makmur, Pekan, Pahang. Projek ini telah bermula pada 1 September 2014 dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2017. Sebanyak 140 unit Rumah BN dibina di atas tapak seluas 14,296 hektar di Sri Makmur ini, dengan kos sebanyak RM21.6 juta. Insya-Allah, projek pembangunan ini yang telah mencapai

lebih 80 peratus proses pembinaannya akan memberi impak kepada 140 orang Generasi Kedua FELCRA Sri Makmur untuk memiliki rumah sendiri di kawasan penempatan yang tersusun dan terancang. Selain itu, FELCRA Berhad juga akan melaksanakan pembinaan 3,000 unit rumah generasi kedua peserta FELCRA Berhad yang akan dibina sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sebelas (2016 - 2020) di seluruh negara.

8. Semoga dengan Pelancaran RBN ini akan meningkatkan lagi semangat masyarakat luar bandar untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melihat kegiatan ekonomi dapat dipacu oleh masyarakat luar bandar khususnya Generasi Kedua Pekebun Kecil FELCRA Berhad. Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya usaha Kerajaan ini adalah untuk kebaikan kita semua pada masa hadapan untuk meningkatkan taraf pemilikan ekuiti Bumiputera supaya seiring dengan pembangunan semasa.

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada FELCRA Berhad atas kejayaan pelancaran RBN ini. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pelancaran Program Rumah BN FELCRA Berhad Sri Makmur Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.